

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**
TARIKH : **27.10.2015 (SELASA)**

DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kes yang melibatkan peniaga yang menaikkan harga barang yang telah ditangkap dan keberkesanan langkah Kementerian dalam membasmi kenaikan dan penipuan harga barang kesan daripada pelaksanaan GST dan nyatakan jumlah kes dan laporan yang telah diterima dan diambil tindakan sehingga kini serta kesan kejatuhan nilai ringgit terhadap harga barang dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan, Kementerian telah menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** bagi membendung peniaga daripada menaikkan harga dan mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Sehingga **20 Oktober 2015**, sebanyak **134** kertas siasatan melibatkan kesalahan pencatutan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu **88** kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana **mencatut**, **41** kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan **5** kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan rekod perniagaan**.

Daripada jumlah ini, sebanyak **14** kes telah didakwa di Mahkamah Seksyen Khas Antipencatutan iaitu masing-masing **6 kes** di bawah Seksyen 14(1), **7 kes** di bawah Seksyen 21(5) dan **1 kes** di bawah Seksyen 53A AKHAP 2011. **12 kes telah disabit kesalahan** dengan jumlah keseluruhan denda **RM365,500.00** manakala baki **2 kes** lagi telah dituduh namun masih dalam tindakan pendakwaan di Mahkamah. Selain itu, terdapat sebanyak **13** kes telah **dikompaun** iaitu masing-masing **10** kes di bawah Seksyen 14(1) dan **3** kes di bawah Seksyen 21(5) AKHAP 2011 dengan jumlah keseluruhan kompaun bernilai **RM535,000.00**.

Sehingga kini, **5 kes telah selesai dikompaun** dengan jumlah keseluruhan **RM105,000**, manakala sebanyak **8 kes** dengan keseluruhan tawaran kompaun sejumlah **RM430,000 masih dalam peringkat rayuan** dan belum dijelaskan.

Sehingga kini, **998** daripada **2,109 Notis** di bawah **Seksyen 21**, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 **telah dikeluarkan terhadap peniaga untuk mendapatkan penjelasan dan justifikasi punca kenaikan harga atau caj yang tidak munasabah** masih dalam siasatan kerana disyaki mencatut.

Selain itu, tindakan akan terus dipertingkat dengan kerjasama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia yang menyalurkan maklumat dengan mensasarkan kepada syarikat yang berdaftar di bawah GST yang telah membuat tuntutan Bayaran Balik Khas Cukai Jualan dan Cukai Input bagi memperkasakan penguatkuasaan Seksyen 10A Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan tujuan memastikan faedah tuntutan cukai di bawah GST boleh dinikmati oleh pengguna.

Tuan Yang Di-Pertua,

Menyentuh kesan kejatuhan nilai ringgit kepada harga barangan, hasil pemantauan yang telah dijalankan oleh KPDNKK mendapati kenaikan harga barangan adalah selari dengan kejatuhan nilai ringgit. Trend perubahan harga barangan menunjukkan peningkatan terutamanya barang-barang import seperti bawang putih import (China) sebanyak 6.59%, ubi kentang (Holland) sebanyak 2.6%, daging kerbau import (India) sebanyak 1.61%, bihun kering (Cap Bintang) (Thailand) sebanyak 2.36% dan susu Dumex Dugro 1-3 (New Zealand) sebanyak 0.73%.

Kementerian juga mendapati empat (4) jenis barangan mengalami kenaikan harga melebihi 10% iaitu bawang besar import (India), bawang kecil merah (Thailand), kubis bulat import (China), dan bawang kecil merah rose import (India).